

Sabtu, 13 Jun 2020 | 10:13am



Pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang memeriksa pelitup muka yang didapati dijual melebihi harga maksimum di Taman Sena semalam. NSTP/IHSAN KPDNHEP

Padah jual pelitup muka RM2

Dziyaul Afnan Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

KANGAR: Tindakan seorang peniaga di Taman Sena dekat sini, menjual pelitup harga melebihi harga maksimum yang ditetapkan mengundang padah apabila dia dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah, berkata pada serbuan jam 3 petang itu peniaga berusia 40-an berkenaan, didapati menjual pelitup muka pada harga RM2 seunit di premisnya.

"KPDNHEP melakukan proses 'uji beli' di premis perniagaan itu berdasarkan maklumat awam dan didapati pelitup muka tiga lapisan yang sepatutnya dijual tidak melebihi RM1.50 seunit telah dijual pada harga RM2 seunit," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohamad Amir berkata, pihaknya bertindak merampas 38 helaian pelitup muka sebagai bahan bukti bagi melakukan siasatan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Kes ini akan dibawa ke mahkamah dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/699786/padah-jual-pelitup-muka-rm2>

